

Headline **Keluarga pesakit HIV/Aids perlu prihatin: Mufti**
Date **17 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **Izra Abd Rahman**
Frequency **Daily**
ADValue **808**

Language **Malay**
Page No **9**
Article Size **202 cm²**
Color **Black/white**
PRValue **2,424**



Susulan Bongkar: Isu pesakit H

Keluarga pesakit HIV/Aids perlu prihatin: Mufti

Jika keluarga tidak mampu, tugas harus digalas masyarakat

IZRA ABD RAHMAN

SHAH ALAM - Keluarga pesakit HIV/Aids seharusnya bertanggungjawab menjaga makan dan minum, terutama keperluan ubatan mereka serta tempat berlindung.

Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyès Abd Wahid berkata, sekiranya keluarga tidak mampu berbuat demikian dan menyisihkan pesakit, tanggungjawab itu perlu digalas masyarakat pula.

Menurutnya, walaupun pesakit dijaga baik di situ (gereja), di-khuatiri terdapat unsur yang boleh mendorong perkara yang tidak diinginkan yang akan membawa kerosakan akhlak dan akidah mereka.

"Jika dibiarkan begitu saja, bermacam kemungkinan boleh berlaku seperti ada individu atau pihak tertentu mengambil kesempatan terhadap kelemahan dan

kekurangan diri mereka," katanya ketika diminta mengulas laporan khas Sinar Harian semalam, mengenai pesakit HIV/Aids menjadikan gereja sebagai tempat perlindungan.

Mohd Tamyès menyarankan semua pihak supaya lebih peka terhadap isu ini

INGKARAN @

gereja jadi tempat berlindung!

Keratan Sinar Harian mengenai laporan pesakit HIV/Aids berlindung di gereja, semalam.

dan sama-sama memikirkan cara paling sesuai dalam memastikan isu berkenaan tidak berlanjutan.

Mengenai pesakit tunggal dan beribadat dalam gereja, beliau tidak melihat ia salah atau melanggar hukum dan undang undang Islam.

Menurutnya, dalam Islam, umat Nabi Muhammad SAW boleh solat di mana saja asalkan tempat itu bersih, termasuk di gereja. Inilah keistimewaan bumi suci ciptaan Tuhan.

"Yang kita bimbangkan, jika ada antara mereka yang secara tak sengaja timbul minat seterusnya akan berpaling ke agama lain kerana banyak masa dihabiskan di situ.

"Sebab itulah masyarakat dan pihak berkuasa tempatan perlu segera melakukan sesuatu," katanya.

Beliau bagaimanapun, tidak menafikan kini terdapat segelintir pihak yang cuba berdakwah secara halus dalam usaha memesonakan akidah umat Islam.

Mohd Tamyès berkata, masyarakat hendaklah sentiasa berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan ajaran yang disampaikan serta kuatkan iman dan takwa kepada Allah SWT.